



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran:
JPKK / LTN2425-T01 / FSS

Tajuk Tawaran:
The Supply and Delivery of Breast Pumps –
Two (2) Years Contract for Treasury Department,
Ministry of Finance and Economy

Tarikh Tutup / Jam :
28 Mei 2024 – Selasa
(2.00 Petang)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi,
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Syarat – Syarat Penyertaan:

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di Kaunter Penyambut Tetamu, Tower Block, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada jam 8.30 pagi – 11.30 pagi dan 1.30 petang – 3.30 petang (waktu hari bekerja) dan bayaran dokumen tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana-mana penender sama ada yang berjaya atau tidak berjaya kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
3. Dokumen tawaran berjumlah BND100.00 dan yuran eDocument berjumlah BND5.00 hendaklah dibayar di Kaunter Hasil, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam dan resit asal pembayaran hendaklah disertakan bersama borang tawaran.
4. Borang Pengakuan Penender dan Lampiran I hendaklah disikan dengan lengkap dengan menyatakan bahawa syarikat yang ikut serta tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama dan menyenaraikan nama-nama pekerja tempatan yang bekerja di Syarikat yang mengikuti tawaran.
5. Borang tawaran hendaklah menyertakan salinan:
 - i. Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau pasport pemilik
 - ii. Surat pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara,

iii. Senarai pekerja yang menyenaraikan jumlah dan bilangan (%) pekerja asing dan pekerja tempatan (contoh format ada disertakan).

6. Syarikat-Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 hendaklah menyertakan:

i. Salinan siji pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35;

ii. Salinan surat pengesahan mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (Annual Returns) kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan "Annual General Meeting".

7. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan Tajuk & Bilangan Tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat/pemborong.

PERINGATAN – Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran atau kontrak diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah